

MENCABAR SEJARAH MALAYSIA, KATA YANG TIDAK BERCAKAP DALAM MUZIUM

Oleh

Abdullah Zakaria bin Ghazali

Kolej Universiti Islam Melaka

Ahli Lembaga Pengarah Muzium Negeri Terengganu

Pendahuluan

Banyak dokumen dan artifak dalam muzium, dan tidak boleh bercakap. Namun begitu, antara dokumen dan artifak yang dipamerkan itu, walaupun bisu, tetapi mencabar sejarah, khususnya dalam konteks Malaysia; mencabar Sejarah Malaysia. Mereka yang sensitif tercabar ini adalah dalam kalangan yang berpengetahuan sejarah. Sama ada cabaran tersebut tersahut atau disahut boleh dirujuk daripada tulisan yang dihasilkan berkaitan dengan cabaran itu. Kertas ini sekadar menyatakan secara sepantas lalu, cabaran yang dirasakan ketika mengunjungi muzium tertentu di Malaysia. Satu perkara yang perlu dinyatakan di sini, Muzium sebagai tempat menimba pelajaran dan pendidikan, sifat lain, ialah mencabar sejarah Malaysia.

Batu Bersurat Terengganu

Sebaik sahaja memasuki pintu muzium Terengganu, dan menuju ke ruang liga utama, nampak tersergam megah artifak utama sejarah Terengganu, Batu Bersurat. Kini telah diangkat sebagai Warisan Dunia (*Memory of the World*) oleh badan Organisasi Pendidikan, Sainstifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu. Batu Bersurat ini tidak bercakap, tetapi perkataan yang terpahat padanya mencabar sejarah Malaysia, khususnya mengenai Islam di Terengganu; Malaysia amnya, termasuk Asia Tenggara.

Kajian terhadap Batu Bersurat ini sudah dilakukan seawall-awal tahun 1920-an oleh H.S. Paterson, dan C.O. Blagden, serta diterbitkan dalam *Journal of Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. II, Part III, 1924. Paterson misalnya tidak memutuskan tahun yang tercatat pada Batu Bersurat. Beliau sebaliknya memengemukakan 21 tarikh: 702, 708, 720-728, dan 780-789. Sementara itu ada juga menyatakan masih ada catatan selepas perkataan “dua”; dan tidak kurang pula menyatakan catatan selepas “dua” hilang.¹

Oleh kerana bacaan Paterson dan Blagden ini masih memberi ruang kajian terterusnya, menyebabkan Profesor Syed Naguib al-Attas meneliti Batu Surat dan menerbitkannya pada tahun 1970, berjudul, *The Correct Date of the Trengganu Inscription*, Kuala Lumpur: Muzium Negara, 1970. Hasil kajian tersebut, Syed Naguib menyatakan tarikh sebenar tercatat pada Batu Bersurat Rejab 702 Hijrah bersama Jumaat 22 Februari 1303.² Tarikh Batu Bersurat ini terus diteliti oleh beberapa pengkaji lain. Uztas Muhammad Khair bin Haji Awang, seorang ahli falak menyatakan tarikh Batu Bersurat ialah 8 Julai 1322 atau 16 Julai 1322.³ Manakala Muhammad Saleh, dalam bukunya, *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H=1942M*, menyatakan tahun yang tercatat pada Batu Bersurat ialah 702 Hijrah. Rumusan ini dibuat setelah berhujah panjang lebar dalam bukunya tersebut. Antara lain Haji Muhammad Saleh menyatakan angka “dua” adalah pengakhiran catatan pada batu tersebut. Pemahat dengan sengaja

menjarak perkataan “sin” dengan “dal” dan perkataan “dua” juga ada ruang. Dengan lain perkataan jika ada perkataan selepas “dua”, pemahat boleh memahat dengan mudah antara ruang perkataan “sin” dan “dua”, serta perkataan “dua” itu. Seterusnya beliau tidak bersetuju dengan cadangan terdapat kerosakan menyebabkan perkataan selepas “dua” tidak boleh dibaca.⁴

Batu Bersurat ini menarik minat Profesor Emeritus Dr. Ahmat Adam meneruskan kajian. Beliau seterusnya menerbitkan kajian tersebut berjudul, *Batu Bersurat Terengganu Betulkah Apa Yang Dibaca Selama Ini?*. Beliau berhujah panjang lebar mengenai tahun Batu Bersurat. Seterusnya merumuskan “...tarikh Batu Bersurat Terengganu yang sebetulnya ialah 6 Rajab 708H, bersamaan dengan Jumaat, 20 Disember 1308. Dan yang pasti, tarikh 708H tidak mungkin boleh disanggah lagi kerana perkataan ‘lapan’ yang menjadi sambungan kepada ‘dua’ (yakni ‘dua-lapan’) sebenarnya memang ada pada Batu Bersurat Terengganu itu”.⁵

Selain, perkataan Arab, Melayu, Sanskrit, dan Jawa, permasalahan tahun yang tercatat di Batu Bersurat ini, sama ada 702H atau 708H terus memanggil pengkaji melakukan penyelidikan lanjut. Dengan lain perkataan, Batu Bersurat yang tidak bercakap dalam Muzium Negeri Terengganu itu akan terus berkata, mencabar sejarah Malaysia.

Malayan Union, Perhimpunan di Kelab Sultan SuleimanKampung Baru, Kuala Lumpur dan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu

Tidak dapat dinafikan banyak bahan yang dipamerkan, misalnya dalam muzium dan galeri boleh mencabar sejarah Malaysia. Misalnya bahan dipamerkan berkaitan dengan penentangan terhadap Malayan Union, Perhimpunan di Kelab Sultan Suleiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur dan penubuhan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Pekembar=United Malays National Organisaton=UMNO) menyatakan banyak pernyataan masalah dan mencabar sejarah Malaysia. Begitu juga foto Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah yang digantungkan dalam Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz **Klang** boleh menimbulkan berbagai persoalan mengenainya. Antaranya kenapa baginda menjadi Sultan Selangor pada tahun 1942 hingga 1945? Kenapa dan bagaimana baginda tidak lagi menjadi sultan, dan takhta kerajaan Selangor diduduki kembali oleh adinda baginda Sultan Hishamuddin Alam Shah pada tahun 1945? Persoalan ini berbangkit daripada bahan pameran yang tidak bercakap itu.

Sehingga kini bahan pameran menyentuh menentang Malayan Union, perhimpunan pertubuhan Melayu di Kelab Sultan Suleiman dan penubuhan UMNO dirujuk sebagai peranan dan sumbangan Dato' Onn bin Jaafar. Persoalannya apakah tidak ada tokoh lain yang juga memainkan peranan dan memberi sumbangan? Ungkapan sebegini timbul hasil daripada bahan yang dipamerkan itu. Oleh itu bagi menjelaskan perkara ini, dikemukakan perbincangan mengenainya untuk renungan dan pertimbangan kembali.

Malayan Union adalah satu bentuk pentadbiran yang diputuskan kerajaan baginda raja bagi menguruskan pentadbiran negeri Melayu apabila kembali mentadbir semula negeri Melayu yang diduduki oleh tentera Jepun. Raja Melayu akan menjadi sebuah badan yang akan menasihati Gabenor dalam semua hal berkaitan agama Islam dan adat Melayu sebelum perkara tersebut dibincangkan dalam badan Perundangan

Kesatuan (*Union*).⁶ Malayan Union ini dirancang kerajaan baginda raja sejak tahun 1943 di bawah kendalian Unit Rancangan Malaya (*Malayan Planning Unit*). Setelah tiga tahun merancang, pada tahun 1945 Rancangan Malayan Union ini dibentangkan dalam Parlimen British, keputusan dicapai akan diperkenalkan di negeri Melayu.

Dalam pentadbiran Malayan Union yang dicadangkan itu, Baginda Raja (King) mesti mempunyai kuasa perundangan (*Jurisdiction*) dalam negeri Melayu bagi membolehkan baginda untuk melaksanakan undang-undang di bawah Akta Perundangan Asing (*Foreign Jurisdiction Act*). Namun demikian Baginda Raja akan senantiasa mengambil ingatan terhadap kedudukan Raja Melayu sebagai ketua tradisional dan roh orang Melayu. Sehubungan itu Raja Melayu akan menjadi pengerusi Majlis Penasihat Melayu di negeri masing-masing. Ahli majlis tersebut akan dilantik oleh masing-masing Raja, tetapi dengan kelulusan Gabenor. Tugas utama majlis ini segala hal berkaitan agama Islam dan adat Melayu.⁷ Selain itu majlis ini akan juga menasihati Raja dalam semua perkara berkaitan agama Islam; menasihati Raja dalam penggubalan undang-undang berkaitan agama Islam; menasihati Raja dalam semua perkara yang dirujuk kepada Majlis oleh Raja atau Residen Komisioner dengan persetujuan Gabenor. Namun begitu segala undang-undang yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Melayu di peringkat negeri akan dipertimbang dalam Majlis Sultan, yang ahlinya: Gabenor sebagai Pengurus, Raja Melayu, Ketua Setiausaha dan Setiausaha Kewangan.⁸

Setelah Jepun menyerah kalah, negeri Melayu diletakkan di bawah pentadbiran tentera British (*British Military Administration*). Namun begitu jawatan utama dalam pentadbiran ini bergelar Ketua Pegawai Halehwal Awam Malaya. Setelah membuat keputusan akan melaksanakan Malayan Union, kerajaan British mendarahkan H.C. Willan, Timbalan Ketua Pegawai Halehwal Awam Malaya merintis jalan menghadap Raja Melayu bagi mendapatkan pandangan dan pengakuan. Tugas ini dilakukan oleh H.C. Willan dari 8 hingga 29 September 1945. Sebagaimana cadangan, Raja pertama yang perlu dikunjungi itu Sultan Ibrahim Johor, kerana disifatkan sebagai Raja Melayu yang paling hebat berbanding Raja Melayu lain menyebabkan H.C. Willan bergerak ke Johor dahulu. Selepas berbincang dengan Sultan Ibrahim, H.C. Willan menyimpulkan Sultan Ibrahim bersedia berkerjasama dengan British dan menandatangani perjanjian. Kemudiannya H.C. Willan berlepas ke Selangor menghadap Sultan Musaeddin, dan menyatakan baginda tidak diiktiraf oleh kerajaan baginda raja sebagai Sultan Selangor. Sultan Musaeddin diarahkan ke Kuala Lumpur, dan kemudiannya dibuang ke Pulau Kokos. Dengan itu H.C. Willan menghadap Sultan Hishamuddin Alam Shah yang diiktiraf semula sebagai Sultan Selangor. Hasil perbincangan dengan Sultan Hishamuddin Alam Shah, H.C. Willan yakin baginda akan menurunkan tandatangan ke atas perjanjian. Rombongan H.C. Willan ke Kedah menghadap Sultan Badlishah. Juga H.C. Willan yakin Sultan Badlishah akan menurunkan tandatangani ke atas perjanjian. Seterusnya H.C. Willan ke Arau, Perlis. Di sin beliau bertemu Syed Husin, Setiausaha Kerajaan Perlis, dan meminta Syed Husin memaklumkan kepada kekandanya Raja Perlis, Syed Hamzah yang British tidak mengiktirafkan baginda. Seterusnya H.C. Willan ke Kangar bertemu Syed Putera, dan beliau melaporkan Syed Putera adalah penyokong British. Kemudiannya H.C. Willan ke Perak menghadap Sultan Abdul Aziz. Seterusnya H.C. Willan menghadap Yamtuan Negeri Sembilan Tuanku Abdul Rahman

pada 23 September 1945, dan Sultan Abu Bakar Pahang pada 28 September 1945. Berikutnya H.C. Willan ke Kuala Terengganu, dan di sini beliau bertemu dengan Dato' Jaya Perkasa Che Da Omar bin Mahmud, Menteri Besar. Dalam pertemuan tersebut, H.C. Willan difahamkan Sultan Ali tidak disukai penduduk Terengganu. H.C. Willan hanya sekejap sahaja berbincang dengan Sultan Ali. Beliau berpendapat Sultan Ali tidak berkelayakan, dan calon yang layak menggantikan baginda Tengku Aziz atau Tengku Paduka Ismail. Bagi H.C. Willan, kedua-dua tidak mendatangkan masalah kerana bersedia menandatangani perjanjian. Kemudiannya H.C. Willan ke Kelantan menghadap Sultan Ibrahim. Setelah berbincang, H.C. Willan menyimpulkan Sultan Ibrahim adalah penyokong British dan bersedia menandatangani perjanjian. Jejak H.C. Willan ini sangat penting kerana beliau adalah orang yang bertanggungjawab mempengaruhi Raja Melayu bersedia menurunkan tandatangan ke atas perjanjian. Oleh sebab itu Sir Harold MacMichael tidak menghadapi sebarang masalah untuk mendapatkan tandatangan ke atas perjanjian melaksanakan Malayan Union daripada Raja Melayu.

Tindakan kerajaan British untuk Malayan Union selanjutnya ialah menghantar wakilnya, Sir Harold McMichael menghadap tiap-tiap Raja Melayu untuk mendapatkan tandatangan ke atas perjanjian bersetuju melaksanakan Malayan Union. Sir Harold MacMichael sebagai Wakil Khas Kerajaan Baginda King United Kingdom and Northern Ireland memulakan lawatan tugasnya di Johor pada 18 Oktober 1945 menghadap Sultan Ibrahim. Seterusnya Sultan Ibrahim menurunkan tandatangan ke atas perjanjian pada 20 Oktober 1945. Sir Harold MacMichael ke Selangor pada 23 Oktober 1945, dan Sultan Hishamuddin Alam Shah menandatangani perjanjian pada 24 Oktober 1945. Seterusnya Sir Harold McMichael ke Pahang menghadap Sultan Pahang pada 31 Oktober 1945, dan Sultan Abu Bakar menurunkan tandatangan pada 2 November 1945. Kemudiannya Sir Harold MacMichael bertolak ke Negeri Sembilan. Di sini MacMichael berbincang dengan Yamtuan Negeri Sembilan dan empat Undang pada 13 November 1945, dan perjanjian ditandatangani pada 14 November 1945. Seterusnya Sir Harold MacMichael ke Perak dan berbincang dengan Sultan Abdul Aziz pada 20 November 1945. berikutnya Sultan Abdul Aziz menurunkan tandatangan ke atas perjanjian pada 22 November 1945. Dari Perak Sir Harold MacMichael pulang ke Kuala Lumpur. Kemudiannya Sir Harold MacMichael ke Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu. Dalam pertemuan yang berlangsung itu, Sultan Kedah pada 2 Disember 1945, Raja Perlis pada 4 Disember 1945, Sultan Kelantan pada 17 Disember 1945 dan Sultan Terengganu pada 21 November 1945 menurunkan tandatangan masing-masing ke atas perjanjian.⁹

Perjanjian yang ditandatangani oleh Raja Melayu itu adalah sama kandungannya. Misalnya perjanjian Sultan Abu Bakar Johor dengan kerajaan British itu dicatatkan "Suatu Perjanjian di-antara Kerajaan Yang Maha Mulia Baginda King di-dalam United Kingdom di-Great Britain dan di-Nothern Ireland dengan Kerajaan Negeri Johor". Kandungan perjanjian tersebut adalah seperti berikut:

BAHWA OLEH SEBAB ada-lah perjanjian-perjanjian yang sedia ada di-antara Yang Maha Mulia Baginda King di-Great Britain dengan Yang Maha Mulia Sultan Johor:

DAN OLEH SEBAB Negeri-negeri Melayu patut memajukan serta membesar kan undang-undang tuboh Kerajaan-nya di-bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Baginda King dan juga bagi pemerentahan Negeri Johor pada masa yang ka-hadapan:

MAKA ADA-LAH DI-PERSATUJUKAN DENGAN PERJANJIAN INI di-antara Sir Harold MacMichael , G.C.M.M, D.S.O., wakil khas Kerajaan Yang Maha Mulia Baginda King di-dalam United Kingdom di-Great Britain dan di-Northern Ireland bagi pihak Yang Maha Mulia Baginda King dengan Yang Maha Mulia

Sultan Negeri Johor bagi pihak diri-nya sendiri dan waris-waris-nya dan keturunan-nya saperti yang tersebut di-bawah ini:

1. Yang Maha Mulia Sultan Negeri Johor berjanji ia-itu Yang Maha Mulia Baginda King tetap-lah akan beroleh sa-penoh-penoh kuasa mengadakan undang-undang di-dalam Negeri Johor.
2. Perjanjian-perjanjian sedia yang tersebut di-atas ini akan berlaku sa-penoh-penoh kuatkuasa-nya, kechuali mana-mana tentang yang berselisih dengan perjanjian baharu ini atau dengan mana-mana peraturan tuboh Kerajaan bagi Tanah Melayu ini yang akan di-adakan oleh Yang Maha Mulia Baginda King.¹⁰

Begitu juga Sir Harold MacMichael mendapatkan tandatangan daripada Raja Melayu lain. Sebagai contoh, selain Sulta Johor, Sir Harold MacMichael mendapatkan tandatangan Sultan Selangor. Perjanjian 1945, di antara Sultan Selangor dengan MacMichael dicatatkan, “Suatu Perjanjian di-antara Kerajaan Yang Maha Mulia Baginda King di-dalam United Kingdom di-Great Britain dan di-Northern Ireland dengan Kerajaan Negeri Selangor”.

BAHWA OLEH SEBAB ada-lah perjanjian-perjanjian yang sedia ada di-antara Yang Maha Mulia Baginda King di-Great Britain dengan Yang Maha Mulia Sultan Negeri Selangor:

DAN OLEH SEBAB Negeri-negeri Melayu patut memajukan serta membesar kan undang-undang tuboh Kerajaan-nya di-bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Baginda King dan juga bagi pemerentahan Negeri Selangor pada masa yang ka-hadapan:

MAKA ADA-LAH DI-PERSATUJUKAN DENGAN PERJANJIAN INI di-antara Sir Harold MacMichael , G.C.M.M, D.S.O., wakil khas Kerajaan Yang Maha Mulia Baginda King di-dalam United Kingdom di-Great Britain dan di-Northern Ireland bagi pihak Yang Maha Mulia Baginda King dengan Yang Maha Mulia Sir Hisamud-din Alam Shah, K.C.M.G. ibni Al-Marhum Sultan Ala'idin Suleiman Shah Sultan Negeri Selangor bagi pihak diri-nya sendiri dan waris-waris-nya dan keturunan-nya saperti yang tersebut di-bawah ini:

1. Yang Maha Mulia Sultan Negeri Selangor berjanji ia-itu Yang Maha Mulia Baginda King tetap-lah akan beroleh sa-penoh-penoh kuasa mengadakan undang-undang di-dalam Negeri

Selangor.

2. Perjanjian-perjanjian sedia yang tersebut di atas ini akan berlaku sa-penoh-penoh kuatkuasa-nya, kechuali mana-mana tentang yang berselisih dengan perjanjian baharu ini atau dengan mana-mana peraturan tuboh Kerajaan bagi Tanah Melayu ini yang akan di-adakan oleh Yang Maha Mulia Baginda King.¹¹

Dalam perjanjian ini Raja-raja Melayu menyerahkan semua juridiksi (*jurisdiction*) ke atas negeri masing-masing kepada Mahkota British. Raja-raja Melayu hanya sebagai ketua sosial dan agama sahaja.¹² Rancangan Malayan Union ini disiarkan dalam akhbar *The Times* di London pada 23 Januari 1946 berjudul "New Plan for Malaya, Two Administrative Units, An Initial Phase".¹³

Dalam rancangan Malayan Union, Baginda Raja mesti mempunyai juridiksi dalam negeri Melayu untuk membolehkan baginda "...to legislate for all the States alike under the Foreign Jurisdiction Act". Dalam hal ini Sir Harold MacMichael, Wakil Khas Kerajaan Baginda berjaya mendapatkan tandatangani daripada semua Raja-raja Melayu untuk melaksanakan rancangan Malayan Union ini. Tandatangan pula didapati setelah rundingan yang berlangsung dalam suasana persahabatan dan kemesraan (*friendliness and goodwill*).¹⁴ Dalam hal Raja dan agama dinyatakan yang Kerajaan Baginda King sentiasa tidak lupa kedudukan khas Raja-raja Melayu sebagai ketua tradisional dan roh (*spiritual*) orang Melayu. Dengan itu Raja-raja Melayu akan mempengerusi Majlis Penasihat Melayu di negeri masing-masing; dan anggotanya akan dilantik oleh Raja tetapi dengan kelulusan Gabenor. Manakala tugas utama Majlis ini segala hal berkaitan dengan agama Islam dan adat Melayu.¹⁵ Dengan itu Majlis ini akan menasihati Raja dalam semua hal berkaitan agama Islam; menasihati Raja dalam penggubalan undang-undang berkaitan agama Islam; dan menasihati Raja dalam semua hal yang dirujuk kepada Majlis oleh Raja, atau Residen Komisioner dengan persetujuan Gabenor. Namun begitu undang-undang yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Melayu di peringkat negeri ini akan dipertimbangkan dalam Majlis Sultan yang anggotanya: Gabenor sebagai pengurus, Raja Melayu, Ketua Setiausaha, Ketua Hakim, dan Setiausaha Kewangan.¹⁶

Apabila mendapat tandatangan Raja Melayu, Sir Harold MacMichael berangkat pulang ke England pada 6 Januari 1946. Kemudiannya Kertas Puteh (*White Paper*), mengandungi butiran terperinci Malayan Union dikeluarkan 22 Januari 1946. Antara lain Malayan Union akan diketuai oleh Gabenor, dan Raja Melayu hanya berkuasa dalam bidang adat dan agama Islam; taraf warganegara akan diberikan kepada orang bukan Melayu berumur 18 tahun, tinggal 10 tahun di Tanah Melayu, dari tempoh 15 tahun sebelum 15 Februari 1942.

Pengenalan Malayan Union ini mencetuskan tentangan daripada orang Melayu. Mereka tidak puas hati terhadap kerakayatan yang longgar diberikan kepada orang asing, dan kehilangan kuasa raja Melayu, yang hanya berkuasa dalam adat dan agama Islam sahaja.¹⁷ Dalam pada itu akhbar tempatan turut memainkan peranan menyiarkan makalah menentang Malayan Union. Antara akhbar yang memainkan peranan: *Malay Mail*, *Majlis*, dan *Utusan Melayu*.

Muhammad Yunus Hamidi menuntut dalam bukunya, PMS menghantar telegram bantahan tidak bersetuju terhadap perjanjian Malayan Union "...bukan hanya telah

menggemparkan Tanah Melayu tetapi ialah jua telah mengagumkan dunia".¹⁸ Dari sisi lain, sebelum Malayan Union diisytiharkan, Leftenan Kolonel Haji Musa bin Yusof (Pak Lomak) membeli dua naskhah kertas putih Malayan Union berharga lima puluh sen satu naskhah di Capital Building, dalam perjalanan pulang dari Singapura ke Johor. Kertas putih tersebut dibawa dalam perbincangan Persatuan Melayu Johor (PMJ) pimpinan Dato Haji Abdul Rahman Mohd. Yasin, Pegawai Kewangan Negeri Johor. Dalam perbincangan itu kertas putih tersebut dikupas oler loyar (lawyer) Suleiman bin Dato' Mohd. Yasin dan Saadun Jubir. Hasil perbincangan tersebut, Raja Melayu telah menyerahkan kuasa kepada baginda raja Great Britain. Kemudiannya perkara ini dibawa ke dalam mesyuarat khas Jumaah Menteri Johor. Ahli Jumaah Menteri Johor yang membincangkan kertas putih Malayan Union ini ialah Ungku Abdul Aziz, Menteri Besar Johor; Dato' Mohd. Salleh bin Ali, Dato' Haji Abdullah bin Abd. Rahman, Dato' Abdullah bin Isa, dan Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohd. Yatim. Juga turut hadir, Loyar Suleiman bin Dato' Abdul Rahman, Haji Hassan bin Haji Yunus, Dr. Awang bin Hassan, Haji Anuar bin Haji Abdul Malik, dan Leftenan Kolonel Haji Musa bin Yusof. Hasil perjumpaan itu, perjanjian yang ditandatangani Sultan Ibrahim tidak sah, bercanggah dengan fasal 15, Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor kerana tidak disertai jumaah menteri baginda. Sehubungan itu, mesyuarat juga berpendapat "...jika sah penyerahan itu tergugurlah dengan sendirinya taraf perajaan ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor itu sebagai raja dan pemerintah negeri Johor serta tidaklah wajib lagi rakyat Johor mentaati akan baginda Yang Maha Mulia itu".¹⁹

PMJ yang mempersoalkan keabsahan perjanjian di antara Sultan Ibrahim dengan Sir Harold MacMichael ini mempertanggungjawabkan tugas bantahan kepada tujuh orang ahlinya, yang dikenali sebagai Kumpulan Tujuh. Tujuh orang ahli Persatuan Melayu Johor ialah Haji Hasan bin Haji Yunus, pemangku mufti; Dato' Abdul Rahman bin Mohd. Yasin, pegawai kewangan negeri; Suleiman bin Abdul Rahman, pegawai pejabat halehwal awam; Dr. Awang bin Hasan, jabatan perubatan; Ahmad bin Suleiman, guru; Kosai bin Haji Mohd. Salleh, pegawai perhutanan dan Safiah binti Suleiman, guru. Mereka mengeluarkan dan mengedarkan risalah dalam tulisan jawi membantah Sultan Ibrahim Johor menurunkan tandatangan ke atas Perjanjian MacMichael. Mereka juga menurunkan tandatangan mengirim surat kepada Ketua Pegawai Halehwal Awam di Kuala Lumpur mencabar keabsahan Perjanjian MacMichael 1945 yang ditandatangani oleh Sultan Ibrahim Johor itu.²⁰ Pejabat Halehwal Awam pula memanjangkan surat Kumpulan Tujuh, resolusi dan memorandum kepada Pejabat Kolonial London pada 4 Mac 1946. Sehubungan itu dinyatakan Resolusi yang dihantar itu adalah terjemahan daripada versi Melayu jawi. Juga menyatakan Resolusi ini dicetak di Singapura, dan telah diedarkan kepada orang Melayu di Johor.²¹ Antara alasan, Sultan bertindak melanggar fasal 15 Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor. Fasal 15 mengawal Sultan mengadakan perjanjian. Fasal 15 berbunyi:

Raja itu tiada sekali-kali boleh menyerahkan atau berbuat sebarang perjanjian atau ikhtiar hendak menyerahkan akan negeri atau suatu bahagian daripada negeri dan kerajaan Johor itu kepada sebarang kerajaan atau kuasa bangsa Eropah atau seorang lain kerajaan atau bangsa sama ada oleh kerana pada fikirannya susah atau keberatan padanya menjadi raja atau oleh kerana hendak mendapat mengambil

dan menerima sebarang bayaran atau petisyen daripada bangsa atau kerajaan lain dan demikian juga ada larangan dan tegahan ini terletak dan terhukum di atas segala dan tiap-tiap seorang daripada waris dan kerabat raja maka jika dilalui atau dicuba lalui larangan dan tegahan ini jika raja sendiri – disifatkanlah dia berdosa memecahkan amanah diletakkan Tuhan atasnya dan demikian tiada diwajibkan rakyat negeri melanjutkan setia lagi padanya dan jika kerabat raja durhaka ia kepada raja dan kerajaan demikian bolehlah dihukumkan dengan sebarang hukuman yang ditimbangkan patut.²²

Namun begitu dalam risalah mereka, Kumpulan Tujuh menyerahkan kepada pembaca menilai risalah yang diedarkan itu. Perkara ini dinyatakan seperti berikut:

Kami sudahkan dengan menjemput akan saudara-saudara kami sekalian laki-laki dan perempuan rakyat isi negeri Johor memberi timbangan yang halus dan cermat apa-apa yang kami sekalian menetapkan ini dengan fikiran diberi tuan-tuan sendiri yang tenang dan hati yang lapang yang dikurniakan Tuhan kepada tuan-tuan jangan bergantung dan jangan berpegang kepada perkataan kami sekalian sahaja atau perkataan orang-orang lain walau sebagaimanapun pandai dan bijaksana kami sekalian atau orang lain itu mudah-mudahan tuan-tuan mendapat hidayat dan pertunjukan yang sebenarnya daripada Tuhan rabbilalamin wassalam mu alaikum warahmatulLah hi wabarakatuh".²³

Pernyataan tersebut mencerminkan dengan jelas bahawa Kumpulan Tujuh menyerahkan kepada pembaca Risalah untuk membuat pertimbangan yang teliti dan tidak dipengaruhi oleh mereka atau orang lain, walaupun bijak pandai membuat keputusan.

Dalam pada itu terdapat pertubuhan Melayu lain di Johor. Misalnya, Kesatuan Melayu Johor ditubuhkan pada 21 Ogos 1939; Yang di-Pertua, Haji Taib; Timbalan, anaknya Dr. Hamzah bin Taib, dan Penaung Tengku Ahmad, Timbalan Menteri Besar.²⁴ PMJ ditubuhkan pada tahun 1939 di bawah pimpinan Dato' Abdul Rahman bin Mohd. Yasin. Anggota Persatuan ini kebanyakannya ialah kakitangan kerajaan di sekitar Johor Bahru.²⁵ Seterusnya Pergerakan Melayu Semenanjung Johor (PMSJ) pula ditubuhkan kira-kira enam tahun selepas penubuhan Persatuan Melayu Johor, iaitu pada tahun 1945. Penubuhan PMSJ bermula dengan perhimpunan yang dihadiri kira-kira 3,000 orang di halaman Mesjid Jamek Batu Pahat, selepas sembahyang zuhur, anjuran Dato' Onn yang pada ketika itu bertugas sebagai Pegawai Daerah Batu Pahat, pada 29 Disember 1945. Dalam perhimpunan ini terdapat mereka yang hadir mengibarkan bendera PETA (Pembela Tanah Air) Tanah Melayu, berwarna kuning di tengah-tengahnya, dan bertanah hijau di bawah, serta putih di atas. Dato' Onn menyeru mereka yang hadir bersatu padu demi kebajikan masa depan dalam pertubuhan. Seruan Dato' Onn ini disambut dengan pekikkan "Hidup Melayu". Seterusnya Dato' Onn dilantik sebagai pengurusi.

Pada 24 Januari 1946, Dato' Onn menyeru orang Melayu melalui akhbar *Majlis* mengadakan kongres menentang Malayan Union. Pergerakan Melayu Semenanjung Melaka (PMSM) diberi tanggungjawab menguruskan kongres tersebut di negeri

pertama kali menentang penjajah, Portugis. Namun begitu PMSM tidak dapat meneruskan tanggungjawab tersebut. Dengan itu tanggungjawab mengendalikan kongres diambil oleh PMS yang pada waktu ini dipimpin Za'ba. Di atas usaha gigih PMS pimpinan Za'ba, kongres se Tanah Melayu berjaya diadakan di Kelab Sultan Suleiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur pada 1 hingga 4 Mac 1946. Dalam kongres ini Za'ba sebagai pengurus Jawatankuasa Penaja dan Sambutan Kongres. Sementara itu beliau juga sebagai ketua perwakilan PMS. Kongres ini dihadiri oleh 41 pertubuhan Melayu, termasuk juga wakil Orang Asli.²⁶ Antara pertubuhan yang hadir: PMSJ, Persatuan Melayu Kluang Johor, Kesatuan Melayu, Persatuan Melayu Kedah, Saberkas Kedah, Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan, Persatuan Melayu Kelantan, PMSM, Kesatuan Melayu Melaka, Persatuan Melayu Negeri Sembilan, Persatuan Wataniah Pahang, Persatuan Melayu Pahang, Persekutuan Guru-Guru Pahang, Persatuan Melayu Seberang Perai, Kesatuan Melayu Pulau Pinang, Persatuan Melayu Pulau Pinang, Perikatan Melayu Perak, Persetiaan Muslim Telok Intan, Persekutuan Melayu Malim Nawar, Persekutuan Melayu Perlis, Pergerakan Kebangsaan Melayu Selangor, Persatuan Melayu Selangor, Ikatan Setia Kampung Baru, Dewa Perniagaan Melayu Malaya, Peranakan Penang Club, Persatuan-persatuan Penghulu Selangor, Persatuan Guru-Guru Melayu Selangor, Darul Ehsan Club, Persatuan Kaum Ibu Selangor, Persekutuan Melayu Ulu Selangor, Persekutuan Boyan Selangor, Persekutuan Melayu Sabak Bernam, Selangor, Kaum Darat Selangor, Persatuan Melayu Jawatan Rendah Selangor, Kesatuan Melayu Singapura, Pembantu Indonesia Merdeka Se Malaya (pemerhati) dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya.²⁷

Apabila kongres berlangsung, Dato' Onn dilantik sebagai pengurus kongres. Kongres berlangsung, keputusan antara lain, menentang Malayan Union dan penubuhan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu = UMNO. Dalam sidang tersebut, wakil PMSJ mencadangkan nama pertubuhan sebagai Pertubuhan Melayu Bersatu (United Malays Organisation = UMO), iaitu sempenan nama Pertubuhan Bangsa-Bangsa atau United Nations Organisation). Namun Za'ba menyumbangkan pandangan dengan menambah perkataan Kebangsaan atau National di antara Malays dengan Organisation. Dalam hujahnya, Za'ba menyatakan Melayu adalah bangsa, dan bukan kaum. Sehubungan itu pertubuhan ini hendak menegaskan dan menyatakan perkara tersebut.²⁸ Cadangan Za'ba diterima kongres, dan lahirlah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (atau United Malays National Organisation=UMNO). Nyata dan jelas, kemunculan UMNO adalah sumbangan dan peranan besar Za'ba. Begitu juga nama UMNO.

Seterusnya Za'ba dilantik sebagai salah seorang ahli jawatankuasa penggubal perlembagaan UMNO. Penglibatan Za'ba dalam UMNO dan politik berakhir setelah penggubalan Perlembagaan UMNO. Selepas ini beliau meninggalkan politik, juga menarik diri sebagai Yang Dipertua PMS. Walaupun pengunduran dari politik ini tidak jelas alasannya, tetapi pasti dapat difahami dan ditafsirkan daripada kenyataan Za'ba yang berbunyi: "...saya bukan ahli politik, tidak memimpin persatuan dan tidak mengikut mana-mana politik".²⁹

Walaupun mendapat tentangan daripada orang Melayu, kerajaan British terus akan mengisytiharkan Malayan Union dan perlantikan Gabenor pada 1 April 1946. Dengan itu Dato' Onn memanggil mesyuarat tergempak di pejabat akhbar *Majlis*; dan

berikutnya di Penang Peranakan Club, Kuala Lumpur. Mesyuarat ini mengambil keputusan: orang Melayu memulau upacara perlantikan Gabenor Malayan Union, meminta Raja Melayu tidak menghadiri majlis upacara perlantikan Gabenor Malayan Union, dan berkabung melilit kain putih pada songkok hitam selama tujuh hari mulai 1 April 1946.³⁰ Dengan itu Dato' Onn ke Station Hotel menghadap Raja-raja Melayu menyampaikan keputusan mesyuarat. Raja-raja Melayu menyatakan tidak akan menghadiri majlis tersebut. Walaupun dipulau, upacara perlantikan Gabenor Malayan Union diteruskan. Sir Edward Gent diisyiharkan sebagai Gabenor Malayan Union yang pertama pada 1 April 1946, diikuti dengan tembakan hormat sebanyak 17 das. Dalam majlis perlantikan ini, Sir Edward Gent menyatakan sempena pulih kembali pentadbiran awam di Tanah Melayu, Raja England dan beliau mengucapkan selamat untuk masa hadapan kepada Tanah.³¹

Setelah kerajaan Malayan Union dibentuk, UMNO (United Malay National Organisation = Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu) bersidang di Istana Besar Johor Bahru pada 11 – 12 Mei 1946. Dalam persidangan ini, pada 11 Mei 1946, Piagam UMNO ditandatangani, dan dengan itu rasmilah kelahiran UMNO. Seterusnya dalam mesyuarat pertama UMNO Dato' Onn dilantik sebagai YTang Dipertua UMNO pertama.³² Satu hal yang jelas dan nyata, kejayaan kongres Melayu se Malaya 1 hingga 4 Mac 1946 di Kelab Sultan Suleiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur adalah usaha gigih Za'ba dan PMS. Dalam pada itu nama UMNO yang kekal digunakan hingga hari ini adalah adalah cadangan dan sumbangan besar Za'ba. Selain itu tokoh yang memainkan peranan menentang Malayan Union, dan menyemarakkan gerakan menentang Malayan Union adalah juga Dato' Abdul Rahman bin Mohd Yasin serta Kumpulan Tujuh anggota PMJ.

Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah

Sejarah Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah sangat menarik dalam sejarah kesultanan Melayu, khususnya kesultanan Selangor. Tengku Musa Eddin ialah putera Sultan Sir Ala'eddin Suleiman Shah dengan Tengku Maharum binti Tunku Dhiauddin atau Tunku Kudin.³³ Baginda dilahirkan pada hari Jumaat, 9 Februari 1893, bersamaan 24 Rejab 1310, pukul 8.30 pagi. Mendapat pendidikan di Victoria Institution, Kuala Lumpur dan Kolej Melayu Kuala Kangsar. Pada tahun 1913-1916 Tengku Musa Eddin berkhidmat sebagai Timbalan Pesuruhjaya Polis (Melayu) Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Tengku Musa Eddin menjadi A.D.C. kepada beberapa orang Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu dari tahun 1920-1934. Pada tahun 1920 beliau menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor. Tengku Musa Eddin adalah Ahli Majlis Persekutuan dan pada tahun 1927 Tengku Musa Eddin dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi menjadi salah seorang anggota untuk menyusun semula Majlis Persekutuan. Pada tahun 1933 Tengku Musa Eddin meletakkan jawatan dari Majlis Persekutuan. Tengku Musa Eddin adalah anak Melayu yang awal menyertai pasukan sukarela dan memakai Leftenan Muda pada tahun 1916. Tengku Musa Eddin adalah Ahli Lembaga Gabenor Kolej Melayu Kuala Kangsar, Timbalan Presiden Lembaga Pengurusan Petempatan Pertanian Melayu, Kuala Lumpur dan Ahli Jawatankuasa Kolej Perubatan King Edward VII, Singapura.

Ayahanda Tengku Musa Eddin, Raja Muda Suleiman menduduki takhta kerajaan Selangor menggantikan nenekanda baginda, Sultan Abdul Samad yang mangkat pada 6 Februari 1898,³⁴ dan memakai gelaran Sultan Ala' eddin Suleiman Shah dan permaisuri baginda bergelar Tengku Ampuan Negeri selangor.³⁵ Ketika pemerintahan Sultan Suleiman, Residen General, Frank Swettenham, Residen British Selangor, J.P. Rodger dan penggantinya, Conway Belfield menyokong supaya Raja Laut, putera Sultan Muhammad Shah dilantik sebagai Raja Muda. Raja Laut dilantik menjadi Raja Muda pada tahun 1899.³⁶ Pembesar Selangor tidak begitu bersetu perlantikan tersebut. Bagi Dato' Penggawa Tua Muhammad Shah Raja Laut dilantik sebagai Raja Muda adalah gelaran yang diberikan oleh Residen General Frank Swettenham.³⁷ Pada masa ini putera tua Sultan Sulaeiman, Tengku Musa Eddin berusia 6 tahun. Sultan Suleiman sendiri tidak puas hati dengan perlantikan ini kerana baginda berharap putera sulongnya, Tengku Musa Eddin akan menjawat jawatan Raja Muda tersebut.

Pada tahun 1912, Sultan Suleiman menyatakan hasratnya supaya mempertimbangkan perlantikan Tengku Musa Eddin sebagai Raja Muda, dalam pertemuannya dengan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Arthur Young. Namun Sir Arthur Young menangguhkan keputusannya kerana beliau masih meragui kelayakan Tengku Musa Eddin. Pada tahun 1913, Raja Muda Laut mangkat. Puteranya Raja Alang yang pernah menjadi Penghulu Rawang mengemukakan tuntutan ke atas jawatan Raja Muda. Sultan Suleiman tidak memberi pertimbangan kerana perlantikan Raja Laut dahulu bukan di atas kehendaknya dan Raja Alang sendiri tidak berjaya menjalankan kerjaya sebagai Penghulu Rawang. Bagi Dato' Penggawa Tua pula tuntutan Raja Alang tidak perlu dipertimbangkan kerana Raja Laut dilantik sebagai Raja Muda tanpa restu pembesar.³⁸

Pada 11 Disember 1914, Residen Selangor mengajukan surat kepada Ketua Setiausaha Gabenor bahawa Sultan Suleiman memohon untuk melantik puteranya Tengku Musa Eddin sebagai Raja Muda dan terus sebagai Pewaris Takhta Selangor. Dengan itu Ketua Setiausaha memanjangkan kepada Sir Arthur Young bahawa Tengku Musa Eddin adalah putera yang paling layak. Namun begitu Sir Arthur Young masih menangguhkan sokongannya sehingga tahun 1919.³⁹ Dalam pada itu pada tahun 1916, Raja Alang sekali lagi menuntut jawatan Raja Muda.⁴⁰ Pada 14 April 1919 Sir Arthur Young mengajukan sokongannya supaya Tengku Musa Eddin dilantik sebagai Raja Muda kerana permintaan Sultan dan Pembesar kepada Viscount Milner di London. Viscount Milner dalam suratnya kepad Sir Arthur Young bertarikh 11 Jun 1919 meluluskan cadangan itu. Dengan itu pada tahun 1919 Tengku Musa Eddin, putera sulong Sultan Suleiman dilantik sebagai Raja Muda.⁴¹

Setelah menjadi Raja Muda kira-kira 15 tahun, pada 31 Oktober 1934, Raja Muda Musa Eddin menisyiharkan perletakan jawatannya.⁴² Dalam perutusannya kepada rakyat Selangor, khususnya orang Melayu, yang disiarkan di dalam *Straits Budget*, 8 November 1934, Raja Muda Musa Eddin menjelaskan bahawa beliau begitu hampa terpaksa mengisyiharkan pelepasan Raja Muda dengan sebab yang tidak akan beliau nyatakan, tetapi semuanya adalah takdir daripada Allah. Rakyat seharusnya memahami bahawa beliau bukan lagi Raja Muda, dan mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada semua orang yang membantunya ketika menduduki jawatan tersebut. Juga mengharapkan barang siapa yang tersinggung ketika beliau menjadi Raja Muda,

memaafkannya. Harapan beliau semoga Selangor aman dan rakyat memberi taat setia kepada penggantinya. Sultan Suleiman pada ketika ini berusia 70 tahun tidak mempunyai pilihan kerana tekanan daripada pihak British terpaksa menerima arahan Setiausaha Negeri Tanah Jajahan, yang mendapat perakuan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, yang dicadangkan pula orang Residen British Selangor, Thomas Adams supaya melucutkan jawatan Raja Muda yang dipegang oleh Tengku Musa Eddin. Pada hal baginda bersama semua puteranya, anggota Majlis dan Pegawai atasan kerajaan Selangor menyokong Raja Muda Musa Eddin melalui rayuan yang dikemukakan kepada Pesuruhjaya Tinggi pada 29 September 1934 supaya memanjangkannya kepada Setiausaha Negeri Tanah Jajahan.

Kekosongan jawatan Raja Muda ini menyebabkan timbulnya masalah penggantian. Walaupun Sultan Suleiman mempunyai putera kedua, Tengku Panglima Besar Tengku Badar Shah, tetapi pihak British lebih cenderung untuk melantik Tengku Laksamana Alam Shah sebagai Raja Muda Selangor dan Pewaris Takhta Selangor. Dalam usaha untuk mendapatkan restu Sultan Suleiman, Residen Selangor dan Pesuruhjaya Tinggi beberapa kali berjumpa dan berunding serta cuba mempengaruhi baginda supaya menerima cadangan mereka Tengku Laksamana sebagai Raja Muda. Pada 20 dan 21 November 1934 Tengku Panglima Besar Tengku Badar Shah dimaklumkan bahawa ia tidak layak untuk mewarisi takhta kerajaan Selangor.⁴³

Penggantian jawatan Raja Muda yang dikosongkan oleh Tengku Musa Eddin telah membawa kepada mesyuarat para pembesar dan orang ternama Selangor pada 28 November 1934. Sultan Suleiman tidak hadir, malah tidak dijemput untuk menghadiri mesyuarat tersebut, tetapi pembesar diminta memilih Raja Muda.⁴⁴ Sebelum mesyuarat ini Residen telah memberitahu Sultan Suleiman bahawa putera kedua baginda, Tengku Panglima Besar Tengku Badar Shah tidak akan dipertimbangkan untuk memegang jawatan Raja Muda dan Pewaris Takhta Selangor. Seramai 18 orang hadir dalam mesyuarat ini; mereka ialah Tengku Panglima Besar (tidak mengambil bahagian dalam mesyuarat), Tengku Laksamana (tidak mengambil bahagian dalam mesyuarat), Engku Shahbandar, Engku Panglima Dalam, Engku Panglima Raja, Raja Musa, Raja Uda, Raja Haji Abdullah, Raja Haji Osman (Presiden), Raja Abdul Hamid, Raja Yusof, Dato' Kaya Abdul Hamid, Dato' Kaya Hasan, Dato' Amar, Dato' Kaya Hulu Selangor, Dato' Engku Hulu Langat, Dato' Penggawa Tua dan Dato' Panglima Perang kiri.⁴⁵

Dalam mesyuarat itu Residen British, Thomas Adams telah memberi ucapan aluan dan mengemukakan garis panduan kepada anggota dalam pemilihan nanti. Draf ucapan ini tidak dikemukakan dahulu kepada Sultan Suleiman. Ucapan itu, T.S. Adams menyatakan:

Tengku-Tengku dan Dato'-Dato'

Mesyuarat Orang-Orang Besar Negeri Selangor dipanggil pada hari ini bukannya akan merundingkan perkara yang ringan sahaja melainkan kemajuan negeri dan kejayaan bangsa Melayu haruslah bergantung kepada kepilihan bakal raja.

Oleh sebab itu terpaksalah dinasihatkan pada masing-masing yang hadir yaitu wajiblah berfikir siapa daripada anak putera Yang Maha Mulia Sultan yang layak dan yang boleh tahan tanggungan yang amat berat yang berkenaan dengan takhta kerajaan.

Janganlah fikir sahaja "Inilah suka, inilah seronok, inilah senang" sebab rosak bangsa kerana laku.

Pertama: Mengikut titah Yang Maha Mulia Sultan dan adat zaman dahulu hendaklah ditimbang putera itu daripada yang tua ke bawah maka di dalam timbangan dan rundingan itu wajiblah mengingat-ingat tidak boleh memilih siapa-siapa yang tidak layak mengikut seperti di bawah ini.

Yang Pertama: Hendaklah dipilih seorang yang telah nampak jasanya menjalankan usaha dengan suka sendiri dengan tiada menantikan apa-apa syor atau perintah, jika tiada demikian nescaya tiadalah dapat ia memelihara akan keselamatan negei dan bangsa Melayu, oleh kerana pad masa yang ke hadapan ini seorang raja yang memerintah itu tiada boleh menantikan cadangan-cadangan yang ditibakan padanya sahaja tetapi hendaklah dengan sendirinya memikirkan perkara-perkara yang boleh memberi kewajipan kebajikan kepada negerinya serta mendatangkan cadangan-cadangan kepada tuan British Residen supaya disiasat dan dijalankan oleh pegawai kerajaan.

Yang Kedua: Hendaklah dipilih seorang yang sempurna timbangan atas hal perbelanjaan yaitu seorang yang tiada berbelanja melainkan diketahuinya dahulu yang ia dapat membayar perbelanjaan itu.

Yang Ketiga: Hendaklah dipilih seorang yang ada pengetahuan atas negeri-negeri yang lain dan yang biasa melawat ke tempat-tempat yang jauh dan yang biasa campur dengan orang lain-lain bangsa istimewa pula bangsa daripada kerajaan yang menaungi negeri Selangor daripada musuh kerana jika tiada pengetahuan itu tiadalah ia mengetahui bagaimana keadaan negeri Selangor di dalam ini tiada boleh faham apa-apa keputusan akan memajukan negeri dan apa-apa keputusan yang harus merosakan negeri dan bangsa Melayu jiklau di dalam timbangan didapati apa-apa hal yang diminta halusi atau jawab boleh memanggil sahaja hadir pada menjawab itu haraplah masing-masing ingat pada hal negeri janganlah berpecah melainkan mencari kemajuan negeri sahaja.⁴⁶

Hasil mesyuarat ini, sepuluh orang pembesar menyokong Tengku Laksamana Alam Shah, empat Tengku Panglima Besar Tengku Badar dan dua orang tidak mengemukakan pendapat.⁴⁷ Sekiranya diteliti minit mesyuarat pemilihan tersebut keputusanya boleh dikategorikan kepada empat. Pertama yang menyokong Tengku Panglima Besar, keduanya Tengku Laksamana, ketiganya mengikut syarat yang dikemukakan oleh Residen calon yang layak ialah Tengku Laksamana dan keempatnya tidak memberi pandangan. Mereka yang menyokong Tengku Panglima Besar ialah Engku Shahbandar, Dato' Kaya Hulu Selangor, Engku Panglima Dalam dan Dato' Amar; penyokong Tengku Laksamana pula ialah Raja Uda dan Raja Haji Abdullah; manakala pembesar lain, Orang Kaya Wijaya Haji Hasan, Raja Abdul Hamid bin Raja Muhammad Tahir, Engku Panglima Raja, Dato' Engku Hulu Langat, Raja Yusuf bin Raja Yaakob, Dato' Kaya Klang, Panglima

Perang Kiri dan Raja Haji Osman; keempatnya Dato' Penggawa Tua dan Raja Musa tidak mengeluarkan pendapat. Dalam alasannya, Raja Musa menyatakan bahawa adalah tidak wajar memilih Raja Muda dalam keadaan Raja Muda yang diturunkan dari jawatannya masih hidup; sekiranya Raja Musa Eddin dilucutkan daripada jawatan Raja Muda dan Waris Takhta dan ia adalah tidak berkesan kalau didasarkan kepada adat negeri Selangor; kerabat Sultan tidak semua hadir pada ketika ini dan syarat yang dikemukakan oleh Residen adalah berbeza dengan syarat yang lazim dan tidak mungkin Sultan akan menerima syarat-syarat tersebut.

Jika diteliti pengundian tersebut, boleh digolongkan kepada tiga golongan. Golongan yang pertama para pembesar tersebut menyatakan bahawa penggantinya ialah Tengku Panglima Besar. Golongan kedua pula menyatakan bahawa Tengku Laksamana tergolong dalam syarat yang dikemukakan oleh Residen dan mereka mesti mematuhi. Golongan ketiga masing-masing menyatakan bahawa sekiranya berdasarkan kepada syarat-syarat yang dikemukakan makan orang yang layak ialah Tengku Laksamana. Namun di antara mereka ini pula terdapat pandangan yang berbeza; mereka yang menyatakan berdasarkan kepada syarat Tengku Laksamana yang layak ialah Orang Kaya Wijaya Haji Hasan, Raja Abdul Hamid bin Raja Muhammad Tahir, dan Raja Yusof bin Raja Yaakob, manakala Engku Panglima Raja menyatakan keciwanya bila dinyatakan bahawa Tengku Panglima Besar tidak layak. Dato' Engku Hulu Langat pula menyatakan bahawa terserah kepada arahan Sultan. Dato' Kaya Klang dan Panglima Perang Kiri menyatakan bahawa sekiranya didasarkan kepada adat raja-raja Selangor jawatan itu jatuh kepada Tengku Panglima Besar, namun menyerahkan kepada keputusan Sultan. Raja Haji Osman menyatakan bahawa sekiranya syarat yang dikemukakan dipersetujui oleh Sultan, tanpa keraguan pemilihan jatuh kepada Tengku Laksamana; sekiranya tidak ia akan memilih Tengku Panglima Besar.⁴⁸

Sultan Suleiman meminta Residen British Thomas Adams mengemukakan laporan mesyuarat kepada baginda dahulu sebelum dihantar kepada Pesuruhjaya Tinggi untuk ditimbangkan. Thomas Adams tidak mengikuti permintaan Sultan Suleiman, sebaliknya beliau hanya menghantar salinan minit mesyuarat untuk makluman, dan tidak disertakan dengan laporan mesyuarat yang disediakannya untuk dihantar kepada Pesuruhjaya Tinggi.⁴⁹

Sultan Suleiman masih berharap putera kedua baginda, Tengku Panglima Besar Tengku Badar dipertimbangkan ke jawatan Raja Muda. Tuntutannya ini dibuat kerana adat penggantian dalam kesultanan Selangor perlantikan Raja Muda hendaklah dibuat ke atas putera Sultan menurut susunan ke bawah. Dalam surat Pesuruhjaya Tinggi kepada Sultan Suleiman bertarikh 13 Disember 1934, beliau menyatakan bahawa bersetuju bahawa pemilihan Raja Muda hendak mengikuti susunan, putera sulong diutamakan, tetapi dengan syarat calon itu layak dan diterima oleh kerajaan British.⁵⁰

Walaupun demikian Sultan Suleiman masih berpandukan kepada adat raja-raja Selangor, yang mana putera tua yang diberi keutamaan. Oleh kerana langkah British memperakuikan supaya Tengku Laksamana sebagai Raja Muda menyebabkan Sultan Suleiman memberi pandangan kepada Tengku Panglima Besar Tengku Badar berunding dengan Roland Braddell mengenai masalah jawatan Raja Muda. Dengan restu Sultan Suleiman Roland Braddell menyediakan PERINGATAN bagi pihak Tengku Panglima Besar Tengku Badar untuk dikemukakan kepada Raja England bagi menuntut jawatan

Raja Muda. PERINGATAN ini diterjemahkan dan diberi penjelasan oleh Kapten Hashim, Ahli Perundangan Negeri-Negeri Selat dan dibaca serta disemak oleh Sultan Suleiman.⁵¹ Pada PERINGATAN ini Sultan Suleiman menurunkan tandatangan dan cop mohor serta menyatakan seperti berikut:

Surat peringatan yang dikarangkan oleh Dato' Braddell Konsul bagi anak saya yang kedua Tengku Panglima Besar itu telah diterjemahkan kepad saya dalam bahasa Melayu dan saya dapat kandungannya semuanya betul dan benar.

Tetapi sukalah saya hendak menyatakan dengan tulisan di sini adalah keberhentian anak sulong saya Tengku Musa Eddin daripada jawatannya menjadi Raja Muda kerana dipaksakan dia oleh Secretary of State itu telah dibangkitkan oleh anak-anak saya ahli-ahli Kaunsul dan pembesar-pembesar negeri Selangor seperti yang tersebut di dalam surat sembah mereka itu kepada saya bertarikh 29 September 1934 maka surat sembah itu telah dihantarkan pula kepada Tuan Yang Terutama High Commissioner mintak [minta] disampaikan kepada Secretary of State.⁵²

PERINGATAN ini selesai disediakan pada 8 Julai 1936 dan dikemukakan kepada Setiausaha Jabatan Tanah Jajahan. Peringatan ini memohon supaya Setiausaha Jabatan Tanah Jajahan menarik balik perlantikan Raja Muda kerana ia tidak boleh diterima. Jika sekiranya Setiausaha Tanah Jajahan tidak dapat memberi arahan, maka peringatan ini akan dipersembahkan kepada Raja England.⁵³ Setiausaha Tanah Jajahan, W. Ormsby Gore, mengemukakan pandangan Pesuruhjaya Tinggi Sir Shenton Thomas bahawa Tengku Badar adalah bodoh dan di bawah telunjuk Tengku Musa Eddin. Seterusnya menyatakan bahawa setelah mempertimbangkan dengan teliti peringatan yang dikemukakan, tanpa keraguan tidak boleh diterima. Beliau bercadang akan menghantar telegram mengarahkan Pesuruhjaya Tinggi, Sir Shenton Thomas memaklumkan kepada Sultan Suleiman bahawa peringatan yang dikemukakan bagi pihak putera baginda, Tengku Badar Shah telah ditimbang dengan teliti, dan dukacita bahawa ia tidak dapat diterima. Oleh itu amat perlu bagi Sultan Suleiman melangsungkan segera perlantikan Tengku Laksamana sebagai Raja Muda.⁵⁴ Setiausaha juga mencadangkan untuk menambahkan lagi arahan kepada Pesuruhjaya Tinggi supaya memaklumkan Sultan bahawa peringatan ini telah dipersembahkan kepada Raja Englang tetapi baginda berkenan mengabulkan permintaan yang terkandung di dalamnya.⁵⁵

Masalah ini telah membawa Sultan Suleiman berangkat ke England untuk berbincang mengenai masalah Selangor. Baginda berada di London dari bulan Oktober hingga November 1936. Ketika berada di England Sultan Suleiman bertemu dan berbincang dengan Setiausaha Negeri Jabatan Tanah Jajahan, Sir Ormsby-Gore mengenai Perlembagaan Selangor, perlantikan Residen Selangor dan bantuan kewangan. Mengenai Perlembagaan, Sultan Suleiman menegaskan bahawa ia akan digubal oleh baginda dengan bantuan Majlis dan akan didasarkan kepada Perlembagaan Johor; mengenai Residen pula baginda melahirkan supaya residen yang hendak dilantik nanti hendak mendapat perkenan daripada baginda, dan mengharapkan Residen British Selangor, T.S. Adams ditukarkan sebelum baginda pulang ke Selangor. Baginda begitu

gembira apabila diberitahu oleh Setiausaha Negeri Jabatan Tanah Jajahan bahawa T.S. Adams telah dinaikkan pangkat dan akan bertugas di Nigeria. Mengenai bantuan kewangan pula baginda memohon supaya menaikkan elauan bulanan untuk sultan sebanyak \$20,000.00 sebulan; dan juga menimbangkan bantuan kepada kedua-dua putera baginda, Tengku Musa Eddin dan Tengku Badar Shah. Sultan Suleiman juga telah dibawa oleh Sir Ormsby-Gore dan Irvine dari Jabatan Tanah Jajahan mengadap Raja England.

Sultan Ala'eddin Suleiman Shah seringkali menegaskan bahawa baginda tidak membezakan putera-puteranya, tetapi pengalamannya dengan perlucutan jawatan Raja Muda Tengku Musa Eddin dan mengenepikan putera keduanya Tengku Panglima Besar Tengku Badar Shah telah mengganggu jiwa dan fikirannya. Walaupun pihak Pesuruhjaya Tinggi berpendapat bahawa Sultan Ala'eddin Suleiman Shah sepatutnya tidak perlu merisaukan diri, tetapi pihak Jabatan Tanah Jajahan menegaskan supaya mengakui bahawa itulah perasaan yang dialami oleh Sultan Ala'eddin Suleiman Shah. Oleh kerana keadaan inilah Jabatan Tanah Jajahan mengemukakan cadangan kepada Pesuruhjaya Tinggi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Sir Shenton Thomas supaya mengemukakan padangan mengenai permintaan Sultan. Mengenai kewangan, Sir Shenton Thomas mencadangkan supaya mengambil peruntukan Residen dan Sultan untuk membina rumah kepada Tengku Musa Eddin dan Tengku Panglima Besar Tengku Badar Shah. Keduanya meluputkan jumlah hutang belum diselesaikan oleh Tengku Musa Eddin dan perlu menegaskan bahawa pada hari kemudiaan kerajaan tidak akan menyelesaikan hutang persendirian kerabat diraja. Ketiganya menurunkan kadar bayaran hutang bulanan Sultan Suleiman kepada kerajaan dari \$2,500.00 kepada \$1,000.00 sebulan. Melalui cara ini tidak akan menghadapi masalah untuk mendapat kelulusan sama daripada Majlis, dan begitu juga dapat mengelakkan daripada tuntutan kenaikan elauan oleh Sultan lain. Pihak Jabatan Tanah Jajahan meminta Pesuruhjaya Tinggi berbincang dengan Sultan sendiri.

Pada 6 Julai 1936, jam 12.30 tengah hari Sultan Suleiman yang dihadiri oleh Orang-Orang Besar dan ahli Majlis Mesyuarat Negeri telah memperkenankan menganugerahkan kepada Tengku Laksamana Tengku Alam Shah gelaran dan kehormatan Raja Muda. Begitu juga Tengku Panglima Besar Tengku Badar Shah dianugerahkan gelaran dan kehormatan Raja Bendahara. Perlantikan ini dilaksanakan berdasarkan kepada adat istiadat Negeri Selangor, terutamanya ketika Sultan Abdul Samad bersemayam di atas takhta kerajaan.⁵⁶

Persiapan upacara pemasyturan gelaran tersebut dilaksana. Pada 20 Julai 1936 persiapan dibuat. Dua buah kerusi untuk Yang Maha Mulia Sultan dan Residen British disediakan di atas balairong seri. Di hadapan singahsana pula dihamparkan permaidani dan disediakan kerusi di kiri dan kanan permaidani tersebut untuk diduduki oleh pegawai kerajaan, anak-anak raja, Orang-Orang Besar dan saudagar-saudagar Cini mengikut taraf dan kedudukan masing-masing. Para jemputan hendaklah memakai pakaian jawatan masing-masing; pakaian lengkap mengikut adat negeri masing-masing, tetapi bagi orang Melayu tidak boleh memakai gombang. Orang bukan Melayu boleh memakai pakaian adat mereka. Hanya mereka yang jemput sahaja yang boleh masuk di serambi balairong seri. Di bahagian tengah balairong seri dihamparkan puadai kekuning-kuningan dari bawah singahsana hingga ke hujung balai, yang mana akan menjadi jalan kepada mereka

yang akan menerima anugerah. Di belakang kerusi di atas singahasana diaturkan empat di kanan dan empat di kiri - 8 lembing, 8 benderang, 8 pedang dan 8 payung.

Dalam upacara tersebut, pada 20 Julai 1936, Tengku Laksamana Tengku Alam Shah telah dilantik sebagai Raja Muda Selangor. Tengku Musa Eddin diberi gelaran Tengku Kelana dan Tengku Panglima Besar Tengku Badar Shah dilantik sebagai Raja Bendahara. Tengku Badar menandatangani tauliah sumpah setia pada 20 Julai 1936 di Balairong Seri, Istana Mahkota Puri dengan disaksikan oleh Tengku Mahmud Zuhdi dan J.J. Sheehan. Tauliah sumpah setia berbunyi:

Bahawa dengan sesungguhnya patik Tengku Badar Shah membetulkan hati kepada Allah dan Rasul-lullah serta meneguhkan setia kepada Yang Maha Mulia Sultan Ala'iddin Sulaiman Shah dan kepada kerajaan negeri Selangor, tiada berniat cita berbuat derhaka atau berbuat anianya kepada segala manusia melainkan dengan jalan sebenarnya. Jika patik berniat derhaka melainkan tiada selamat patik selama-lamanya.⁵⁷

Pada 31 Mac 1938, jam 5.20 petang Sultan Ala'eddin Suleiman Shah mangkat di istana Negara, Klang. Kemangkatan baginda diisyiharkan dengan 17 das tembakan meriam di Klang dan Kuala Lumpur. Pada 1 April 1938, Raja Bendahara Tengku Badar Shah memanggil mesyuarat pembesar di istana Mahkota. Raja Muda Tengku Alam Shah, Tengku Klana Tengku Musa Eddin dan Dato' Kaya Klang tidak hadir dalam mesyuarat tersebut.⁵⁸ Dalam mesyuarat ini mereka yang hadir, Tengku Badar Shah, Raja Nong, Tengku Abdul Aziz Shah, Tengku Ahmad Shah, Tengku Zainun, Tengku Ekram, Raja Mahdi, Tengku Shaharuddin Shah, Raja Adnan, Tengku Ibrahim Shah, Tengku Abdul Halim Shah, Raja Uda, Raja Yusuf, Dato' Orang Kaya Bijaya (Haji Hasan), Dato' Penggawa Muda, Dato' Penggawa Tua, Raja Haji Othman, Raja Abdul Hamid, Tuk Engku, Dato' Madun, Raja Abdullah dan Dato' Panglima Perang Kiri bersetuju bahawa Raja Muda Alam Shah dilantik sebagai Sultan Selangor. Namun begitu tiga orang pembesar, Dato' Kaya Hulu Selangor, Dato' Amar dan Raja Musa mengemukakan persetujuan bertulis. Mereka menyatakan bahawa oleh kerana kerajaan Inggeris bersetuju, mereka mematuhiinya, tetapi menegaskan bahawa perlantikan tersebut bercanggah dengan adat.⁵⁹

Di hari upacara pemakaman jenazah Sultan Ala'eddin Suleiman Shah pada 4 April 1938, Pesuruhjaya Tinggi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang mendapat kebenaran daripada Raja George VI Great Britain, Ireland mengisyiharkan Raja Muda Alam Shah sebagai Sultan Selangor dengan gelaran Sultan Hishamud-din Alam Shah.⁶⁰ Selepas pengisytiharan dibuat, jenazah al-marhum Sultan Ala'eddin Suleiman Shah dimakamkan.

Ketika tentera Jepun menduduki Tanah Melayu dari tahun 1942 hingga 1945, Tengku Kelana Tengku Musa Eddin sebagai Sultan dengan gelaran Sultan Musa Ghiathuddin Riayat Shah. Baginda bersemayam di istana Mahkota Kelang dan banyak membantu kaum kerabat yang menghadapi masalah di masa pendudukan Jepun. Apabila Jepun menyerah kalah, pihak British telah menurunkan Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah dan meletakkan kembali Sultan Hishamuddin Shah di atas takhta kerajaan Selangor.

Ketika berada di istana Kuala Lumpur ini, Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah tidak menyangka bahawa adanya pakatan dalam kalangan pembesar menjatuhkan baginda. Baginda sedar, dalam kalangan pembesar ada yang menyokong baginda, dan ada pula yang menyokong adinda baginda (Sultan Hishamuddin Alam Shah). Seterusnya Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah mengenangkan ketika pemerintahan tentera Jepun, baginda menolong ramai pembesar yang hendak dihukum bunuh dan disiksa oleh Jepun. Kini istana Kuala Lumpur dikawal oleh 15 orang Sikh: lima orang mengawal simpang masuk istana, lima orang di bawah istana, lima orang belakang istana, berhampiran dapur. Manakala ketuanya berada di bilik atas, sebelah bilik Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah.

Selama beberapa hari tinggal di istana tersebut, tidak ada seorang pembesar pun yang datang menziarahi Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah. Padahal baginda tersangat ingin mendengar berita mengenai isteri dan putera di Kelang. Untuk berhubung melalui telefon tidak dapat kerana taliannya sudah dipotong. Sebelum ini, ketika bertakhta, pembesar tersebut datang di istana bank siang malam mengadu berbagai kesusahan. Kenangan ini sangat menyayat hati Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah, namun baginda sedar bahawa ibarat kata pepatah Melayu, "di mana angina kuat, di situlah daun kayu condong". Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah mencatatkan kekesalan itu seperti berikut:

...masa aku kena bulu matanya tidak nampak apalah salah
minta[k] pada yang berkuasa hendak datang melawat aku.
Sudahlah demikian adakah ia orang mendatangkan muafakat
mesyuarat bersama sendiri apa jalan yang boleh difikirkan hal aku
yang telah terjadi ini. Sekiranya salah besar patut diminta[k]kan
ampunkan sekiranya tiada salah diminta[k]kan lepas...(naskhah)

Ketika berada di istana Kuala Lumpur, Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah menulis surat kepada adinda baginda Sultan Hishamuddin Alam Shah untuk bertemu. Pertemuan hanyalah untuk meminta melihat isteri dan puteranya jika berlaku sesuatu ke atas diri baginda. Surat tersebut dikirimkan melalui Che Aminah, isteri bentara kiri yang bertugas di istana Kuala Lumpur. Che Aminah bebas keluar masuk di istana Kuala Lumpur kerana bertugas sebagai penjaga istana. Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah mendapat maklumat, surat baginda kepada adinda Sultan Hishamuddin Alam Shah diterima, tetapi jawapan hanyalah "...tiada dapat keluar ke mana-mana...". Dalam pada itu pegawai British membenarkan melawat Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah. Pada 20 September 1945, Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah menunggu, tidak seorang pun kelihatan. Sehingga baginda bermain fikiran seperti juga pembesar yang siang malam menghadap, dan mengaku taat setia tetapi tidak datang. Dalam suasana resah gelisah itu, datang Tengku Abdul Rahman, Raja Amran dan Raja Husin. Kemudiannya pada pukul 10.00 pagi datang pula isteri baginda, Tengku Masturah, Tengku Ampuan Fatimah, bonda Tengku Abdul Rahman. Kedua-duanya datang dibawa oleh Tengku Halim Shah, adinda Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah.

Pada 21 September 1945, pukul 5.00 pagi bangkit dari tidur, dan membuat persiapan untuk berangkat ke lapangan terbang. Pukul 7.00 pagi kapten tersebut datang menjemput Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah menaiki motokar. Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah mengucapkan selamat tinggal kepada isteri dan keluarga; isteri

baginda tunduk dan bercucuran air mata. Kemudiannya menaiki kereta, Tengku Halim, adinda baginda menaiki motokar menghantar ke lapangan terbang. Ketika melalui askar berkawal, dan mengangkat senjata memberi hormat, dan Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah turut mengangkat tangan sebagai balas hormat. Tangan berlambaian memberi ucap selamat tinggal. Walaupun isteri Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah ada di istana tetapi diminta tidak turun di bawah kerana kedatangannya secara rahsia, tidak diketahui oleh kapten itu.

Pada malam pertama, ketika berada di Pulau Kokos, tidur dalam ketakutan yang amat sangat. Namun Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah bernasib baik kerana membawa kusyen dari kereta ketika menaiki kapal terbang sebelum ini. Kusyen itu digunakan sebagai pengalas kepala untuk tidur. Walaupun keadaan demikian, kerana terlalu letih dalam perjalanan menyebabkan baginda tidur sehingga pukul 7.00 pagi barulah bangun. Pada pagi itu Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah merasa hiba mengenangkan baginda, dan air mata baginda keluar berlinangan. Dalam catatannya Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah menyatakan:

...sampai hati orang-orang membuat anianya dengan tidak tahu apa-apa kesalahan aku jika sakit pening salah seorang apakah daya tentulah sahaja aku mati bukan ada orang lain cuma aku empat orang sahaja sini melainkan berserah sahaja kepada Tuhan memelihara jangan sakit pening dan mendapat apa kesusahan kepada siapalah minta[k] tolong kerana rakan-rakan aku itu budak-budak sahaja bukan ada orang tua cuma aku seorang sahaja yang tua. (naskhah)

Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah menjelaskan kepada Kolonel Jones yang ditugaskan menjaga baginda di Pulau Kokos, ketika pemerintahan Jepun, baginda "...banyak saya tolong orang besar hendak mati saya minta[k] ampunkan seperti Raja Uda, Raja Nong, Raja Haji Osman juga adik saya sultan hendak kena susah...". Kolonel Jones mendapat maklumat Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah dibuang ke Pulau Kokos kerana ingin mengelakkan berlaku kekacauan di Selangor. Di Selangor terdapat dua kumpulan; satu menyokong Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah, dan satu kumpulan lagi menyokong Sultan Hishamuddin Alam Shah.

Setelah melebihi lapan bulan berada dalam buangan, Pulau Kokos, Lautan Hindi, Sultan Hishamuddin Alam Shah bersetuju dalam Majlis Mesyuarat Selangor membenarkan Tengku Musa Eddin pulang ke Selangor. Tengku Musa Eddin kembali ke Selangor, tinggal di rumahnya sendiri di Kelang dengan elaun bulanan \$1,000.00, dan \$250.00 sebulan elaun gelaran Tengku Kelana Jaya Putera. Tengku Kelana Jaya Putera Tengku Musa Eddin mangkat pada 8 November 1955 di Kuala Lumpur. Jenazah baginda dimakamkan di Makam Diraja Kelang.Selangor.

Kesimpulan

Walaupun beberapa contoh diambil daripada pameran dalam muzium dan galeri yang tidak bercakap, tetapi pernyataan bahan tidak bercakap mencabar sejarah, khususnya sejarah Malaysia sukar untuk dinafikan.

SINGKATAN

CO	=	Colonial Office
DO	=	Dominions Office
Pekembar	=	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
PKMM	=	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PMJ	=	Persatuan Melayu Johor
PMS	=	Persatuan Melayu Selangor
PMSJ	=	Pergerakan Melayu Semenanjung Johor
PMSM	=	Pergerakan Melayu Semenanjung Melaka
SP	=	Surat Persendirian
UMNO	=	United Malay National Organisation

Nota

¹ Muhammad Saleh Haji Awang, Dato' Setia Jasa, Haji, *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H=1942M*, edisi baru, Kuala Terengganu: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu dengan sokongan Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman, 1992, hlm. 83.

² Ibid., hlm. 90.

³ Ibid., hlm. 91.

⁴ Ibid., hlm. 43-94.

⁵ Ahmat Adam, *Batu Bersurat Terengganu Betulkah Apa Yang Dibaca Selama Ini?*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2017.

⁶ Simon C. Smith, *British Relations with the Malay Rulers From Decentralization to Malayan Independence 1930-1957*, Singapore: Oxford University Press, 1995, hlm. 46.

⁷ T 220/54, Formation of Malayan Union and Singapore Colony, MALAYAN UNION AND SINGAPORE Statement of Policy on Future Constitution, hlm. 4.

⁸ T 220/54, Formation of Malayan Union and Singapore Colony, MALAYAN UNION AND SINGAPORE Summary of Proposed Constitutional Arrangements", March 1946, hlm. 5; Statutory Rules and Orders 1946 No. 463 FOREIGN JURIDITION The Malayan Union Order in Council 1946. At the Court at Buckingham Palace, the 27th day of March, 1946, hlm. 13: 21.

⁹ Albert Lau, *The Malayan Union Controversy 1942-1948*, Singapore: Oxford University Press, 1991, hlm. 104-116.

¹⁰ DO 118/297, Malay States Agreement of 1945.

¹¹ DO 118/297, Malay States Agreement of 1945.

¹² H.P. Lee, *Constitutional Conflict in Contemporary Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1995, hlm. 5.

¹³ T 220/54, Formation of Malayan Union and Singapore Colony, *The Times*, 23 January 1946.

¹⁴ T 220/54, Formation of Malayan Union and Singapore Colony, MALAYAN UNION AND SINGAPORE Statement of Policy on Future Constitution, January 1946, hlm. 3.

¹⁵ T 220/54, Formation of Malayan Union and Singapore Colony, MALAYAN UNION AND SINGAPORE Statement of Policy on Future Constitution, hlm. 4.

¹⁶ T 220/54, Formation of Malayan Union and Singapore Colony, "MALAYAN UNION AND SINGAPORE Summary of Propesed Constitutional Arrangements", March 1946, hlm. 5; Statutory Rules and Orders 1946 No. 463 FOREIGN JURIDICTION The Malayan Union Order in Council, 1946. At theCourt at Buckingham Palace, the 27th day of Mach, 1946, hlm. 13: 21.

¹⁷ CO 717/179, Alec kepada H.T. Boundillon, 6 Disember 1947, terlampir "Reconstruction in Malaya by A.J. Newboult".

¹⁸ Mohammad Yunus Hamidi, *Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjong*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1961, hlm. 9.

¹⁹ SP 84/23, "Titik Permulaan Penentangan "Malayan Union"".

²⁰ CO 537/1540, Negotiations with Sir MacMichael Agreement with Sultan of Johore, surat T.A. New boult kepada Pejabat Kolonial London, 4 Mac 1946, terlampir surat yang ditandangani Dato' A. Rahman bin Mohd. Yasin, Tuan Haji Hassan bin Haji Mohd. Yunos, Doktor Awang b. Hassan, Inche Kosai b. Haji Mohd. Salleh, Inche Suleiman b. A. Rahman, Inche Ahmad b. Suleiman, Inche Safiah binte Suleiman kepada The Chief Civil Officer, Headquarters, British Military Administration (Malaya), Kuala Lumpur, 25 Februari 1946, terlampir Resolution.

²¹ CO 537/1540, Negotiations with Sir MacMichael Agreement with Sultan of Johore, surat T.A. Newboult kepada Pejabat Kolonial London, 4 Mac 1946.

²² Fasal 15, Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor. Fasal 15 ini juga dicatatkan dalam Risalah Kumpulan Tujuh, 1 Februari 1946. Resolusi yang dilampirkan kepada pegawai British itu ditulis dalam bahasa Inggeris. The Sultan has acted contrary to the Constitution of Johore. Article 15 of which controls the treaty making power of Sultan. Article 15 reads as follows:- "The Sovereign may not in any manner surrender or make any agreement or plan to surrender the Country or any part of the Country and State of Johore to any European Stae of Power, or any other State or nation, whether he thinks it a trouble or a burden to him to be ruler, or because he does not care to rule, or because he desires to obtain, take and accept any payment or pension from another nation or State; and this prohibition and restraint are likewise laid and decreed on all and every one of the heirs and relatives of the sovereign.

And if this prohibition and restraint be resisted, or an attempt made to resist them, by the sovereign himself, he shall be treated as guilty of betraying the trust reposed in him by God, in which case the people of the country shall be under no obligation to continue any longer their allegiance to him; and if by a relative of the sovereign, he shall be considered to have committed high treason against the sovereign and the state, and shall be liable to any punishment which it may deemed proper to award".

²³ Risalah Kumpulan Tujuh, 1 Februari 1946.

²⁴ Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Johor Sebagai Pusat Percambahan Semangat Kebangsaan Melayu dan Penubuhan UMNO", Abu Bakar Hamid et-al (editor), *UMNO JOHOR: Memartabatkan Bangsa Melayu*, Kuala Lumpur: Yayasan Warisan Johor dan Berita Publishing Sdn. Bhd., 1996, hlm. 21; 22.

²⁵ Ramlah Adam, "Dr. Hamzah Hj. Taib (1900-1956)", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 19, 1991, hlm. 11. Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Johor Sebagai Pusat Percambahan Semangat Kebangsaan Melayu dan Penubuhan UMNO", hlm. 23.

²⁶ Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Johor Sebagai Pusat Percambahan Semangat Kebangsaan Melayu dan Penubuhan UMNO", hlm. 33.

²⁷ Ramlah Adam, *UMNO: Organisasi dan Kegiatan Politik*, Kota Bharu: Mohd. Nawi Book Store, 1978, hlm. 5-11.

²⁸ Adnan Haji Nawang, *Za'ba dan Melayu*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., 1998, hlm. 23-24. Lihat juga Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Johor Sebagai Pusat Percambahan Semangat Kebangsaan Melayu dan Penubuhan UMNO", hlm. 29.

²⁹ Adnan Haji Nawang, *Za'ba dan Melayu*, hlm. 24. Lihat juga Nordi Achie, "Humanisme Melayu dari Perspektif Pemikiran Za'ba: Satu Penelitian Awal Terhadap *Ilmu Mengarang Melayu* (1934)", *Purba*, Jurnal Persatuan Muzium Malaysia, Bilangan 36- 2016, hlm. 167.

³⁰ *UMNO Sepuluh Tahun 1946-1956*, hlm. 27.

³¹ Malayan Union, 2037/1946, *The Malayan Tribune*, 2 April 1946.

³² Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Johor Sebagai Pusat Percambahan Semangat Kebangsaan Melayu dan Penubuhan UMNO", hlm. 40.

³³ Tunku Kudin ialah putera Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah I Kedah (1843-1854), saudara Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah (1854-1879).³³ Tunku Kudin dilahirkan di Pulau Pinang pada tahun 1835. Beliau dilantik oleh saudaranya Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah sebagai Raja Muda Kedah pada September 1859. Tunku Kudin datang ke Selangor pada tahun 1868 untuk berkahwin dengan Raja Arfah, puteri Sultan Abdul Samad. Kemudiannya pada 26 Jun 1868, Sultan Abdul Samad menganugerahkan kuasa kepada Tunku Kudin sebagai Wakil Yamtuan (Viceroy) di Selangor yang berkuasa memajukan negeri Selangor, dan mengurniakan Langat

untuk mendapatkan belanja bagi menguruskan pentadbiran (Buyong Adil, *Sejarah Selangor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, hlm. 60-61). Tunku Kudin terlibat dalam pergaduhan di antara Raja Mahadi dengan Raja Abdullah di Kelang. Raja Mahadi tidak puas hati kerana Sultan Muhammad tidak menyerahkan pentadbiran Kelang kepada beliau selepas ayahandanya, Raja Sulaiman Ibni Sultan Muhammad mangkat. Sebaliknya Sultan Muhammad menyerahkan pentadbiran Kelang kepada Raja Abdullah, saudara Raja Jumaat. Penglibatan Tunku Kudin dalam persaingan di Kelang ini menimbulkan kemarahan Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah. Dengan itu baginda tidak mengiktirafkan jawatan Raja Muda yang disandang oleh Tunku Kudin, sebaliknya menganugerahkan gelaran Raja Muda kepada adinda baginda, Tunku Yaakob (Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968, hlm. 223-224. Lihat juga Buyong Adil, *Sejarah Kedah*, hlm. 75). Apabila British mendapati penglibatan Tunku Kudin hanya akan menyebabkan persaingan berterusan di Selangor, British meminta beliau bersara. Seterusnya Tunku Kudin pulang ke Kedah, dan terlibat dalam rebutan takhta di Kedah (Mohammad Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm. 37-38).

³⁴ Sultan Abdul Samad mangkat ketika berusia 93 tahun. C.O.717/117, "MTBRMS", hlm. 7.

³⁵ C.O.717/117, "MTBRMS", hlm. 12.

³⁶ C.O. 717/117, Pesuruhjaya Tinggi kepada J.H. Thomas, 7 April 1936.

³⁷ C.O.717/117, "Opinion of the Chiefs of Selangor", Dato' Penggawa Tua, Muhammad Shah, Kampung Kuantan, 1 Mac 1936.

³⁸ C.O. 717/117, "Opinion of the Chiefs of Selangor", Dato' Penggawa Tua, Muhammad Shah, Kampung Kuantan, 1 Mac 1936; "Comments on the petition by paragraphs".

³⁹ C.O. 717/117, "Comments on the petition by paragraph".

⁴⁰ C.O. 717/117, "Comments on the petition by paragraphs".

⁴¹ C.O. 717/117, "Comments on the petition by paragraphs".

⁴² C.O. 717/112, Pesuruhjaya Tinggi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu kepada Jabatan Tanah Jajahan, London, 4 November 1935.

⁴³ C.O. 717/117, "Comments on the petition by paragraphs".

⁴⁴ C.O.717/117, "MTBRMS", hlm. 13.

⁴⁵ C.O.717/117, "MTBRMS", Appendix VII, "Translation from the photostat of the minutes in Malay", hlm. 28.

⁴⁶ C.O.717/117, "MTBRMS", Appendix VI, hlm. 27

⁴⁷ C.O.717/117, "MTBRMS", hlm. 13.

⁴⁸ C.O.717/117, "MTBRMS", Appendix VII, "Translation from a photostat of the minutes in Malaya".

⁴⁹ C.O.717/117, "MTBRMS", hlm. 13.

⁵⁰ C.O.717/117, "MTBRMS", hlm. 13.

⁵¹ C.O.717/117, "MTBRMS", hlm. 18.

⁵² C.O.717/117, "MTBRMS", "Appendix IX", hlm. 31. Di dalam *Memorial* ditulis dalam bahasa Inggeris.

⁵³ C.O.717/117, W. Ormsby Gore kepada Wigram (deraf), 8 Jun 1936.

⁵⁴ Ibid.

⁵⁵ Ibid.

⁵⁶ C.O. 717/117, Enclosure A, "Titah Yang Maha Mulia Sultan Selangor", 6 Julai 1936.

⁵⁷ C.O. 717/117, Tauliah Sumpah Setia, 20 Julai 1936.

⁵⁸ C.O.717/130, Sir Shenton Thamas kepada W.G.A. Ormsby Gore, 27 April 1938, Enclosure 1, S.W. Jones, 'Memorandum', 12 April 1938.

⁵⁹ C.O.717/130, Sir Shenton Thomas kepada W.G.A. Ormsby Gore, 27 April 1938, terlampir Enclosure B.

⁶⁰ C.O.717/130, Sir Shenton Thomas kepada W.G.A. Ormsby Gore, 27 April 1938, Enclosure E.